



**SIARAN MEDIA**  
*MEDIA RELEASE*

**INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA**  
**SUKU TAHUN KETIGA 2022**

*INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE INDEX*  
*THIRD QUARTER 2022*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam



**SIARAN MEDIA  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**INDEKS PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA SUKU KETIGA 2022  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Indeks Nilai Unit Eksport terus meningkat pada suku ketiga 2022 didorong oleh harga barangan yang meningkat di pasaran dunia**

1. Terma perdagangan bagi negara telah mencatatkan peningkatan sebanyak 29.2 peratus pada Q3 2022 berbanding Q3 2021, terutamanya didorong oleh pertumbuhan indeks Bahan Kimia sebanyak 30.4 peratus, diikuti oleh Makanan (+25.3 peratus) dan Minuman (+9.4 peratus).
2. Jumlah eksport meningkat sebanyak 32.2 peratus pada Q3 2022 berbanding Q3 2021, iaitu daripada BND3,923.2 juta kepada BND5,187.5 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan indeks nilai unit eksport sebanyak 41.8 peratus, terutamanya disumbangkan oleh peningkatan indeks Bahan Api Galian (+43.8 peratus), Makanan (+25.4 peratus) dan Minuman (+17.3 peratus). Kenaikan harga produk-produk tersebut di pasaran dunia adalah diantara faktor utama kepada peningkatan indeks nilai eksport.
3. Indeks volum eksport pula mencatatkan penurunan sebanyak 25.9 peratus berbanding Q3 2021 yang mana disumbangkan oleh penurunan indeks volum eksport Bahan-Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan (-39.8 peratus), Bahan Kimia (-36.5 peratus) dan Pelbagai Barang Keluaran Kilang (-29.0 peratus).

4. Jumlah nilai import pada Q3 2022 meningkat sebanyak 23.3 peratus berbanding Q3 2021 yang didorong oleh kenaikan indeks nilai unit import dan indeks volum import masing-masing sebanyak 9.8 peratus dan 1.3 peratus. Peningkatan indeks nilai unit import ini adalah terutamanya disumbangkan oleh indeks Bahan Api Galian (+42.1 peratus), Minyak dan Lemak Binatang dan Sayur-Sayuran (+37.0 peratus) dan Barang Keluaran Kilang (+30.7 peratus).
5. Manakala, kenaikan indeks volum import adalah disumbangkan oleh peningkatan indeks volum import Makanan (+17.6 peratus), Bahan-Bahan Mentah Tidak Boleh Dimakan (+7.5 peratus) dan Barang Keluaran Kilang (+6.0 peratus).
6. Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa (IMTI) menunjukkan tren nilai unit dan kuantiti komoditi import dan eksport di Negara Brunei Darussalam dalam tempoh tertentu. Indeks ini juga boleh digunakan dalam menganalisa daya saing negara, mengukur dan membuat unjuran inflasi dan penyusunan akaun negara. Laporan penuh Indeks Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi suku tahun ketiga 2022 boleh didapati melalui laman sesawang JPES: <https://deps.mofe.gov.bn/>



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE INDEX Q3 2022**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Exports Unit Value Index continues to rise in the third quarter of 2022 driven by higher commodities prices in the world market**

1. *The terms of trade, registered an increase of 29.2 per cent in Q3 2022 compared to Q3 2021. This was mainly contributed by the growth of Chemicals index at 30.4 per cent, followed by Food (+25.3 per cent) and Beverages (9.4 per cent).*
2. *Total exports increased by 32.2 per cent from BND3,923.2 million in Q3 2022 to BND5,187.5 million in Q3 2021. This increase was due to a rise in the exports unit value index by 41.8 per cent, which was mainly contributed by Mineral Fuels (+43.8 per cent), Food (+25.4 per cent) and Beverages (+17.3 per cent). Rising prices of these commodities in the world market was the key driving force towards the increase in exports unit value index.*
3. *The exports volume index fell by 25.9 per cent compared to Q3 2021, contributed by the decline in the exports volume index of Crude Materials Inedible (-39.8 per cent), Chemicals (-36.5 per cent) and Miscellaneous Manufactured Articles (-29.0 per cent).*
4. *The total imports in Q3 2022 also increased by 23.3 per cent compared to Q3 2021 due to the rise in the import unit value index and the imports volume index by 9.8 per cent and 1.3 per cent, respectively. The rise in the imports unit value index was mainly contributed by Mineral Fuels (+42.1 per cent), Vegetables Oils and Fats (+37.0 per cent) and Manufactured Goods (+30.7 per cent).*

5. *Meanwhile, the increase in the imports volume index was attributed by an increase in the imports volume index of Food (+17.6 per cent); Crude Materials Inedible (+7.5 per cent); and Manufactured Goods (+6.0 per cent).*
  
6. *International Merchandise Trade Index (IMTI) measures the changes of unit value and volume of import and export commodities in Brunei Darussalam within a specific period of time. The index can also be used in the analysis of competitiveness, measurement and forecasting of inflation and compilation of national accounts. The full report of International Merchandise Trade Index third quarter 2022 is available from DEPS's website at <https://deps.mofe.gov.bn/>*